

Mahathir terima Anugerah Mahaputra Universiti Utara

Oleh WANDA IDRIS

SERI KEMBANGAN 12 Mac — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad malam tadi menerima Anugerah Mahaputra daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena sambutan ulang tahun universiti itu yang ke-20.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan daripada Alumni UUM bagi mengenang jasa dan sumbangan

yang tidak ternilai oleh Dr. Mahathir kepada penubuhan dan Pembangunan Universiti tersebut sehingga muncul sebagai pusat Pengajian tinggi yang cemerlang.

Cetusan

Anugerah itu telah dikurniakan oleh Sultan Kedah, Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada Majlis Bankuet Diraja Alumni UUM yang diadakan di Palace of The Golden Horses, di sini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UUM, Kolonel Profesor Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Shafinaz, Tan Sri Profesor Emeritus Datuk Dr. Awang Had Salleh dan Tun Dr. Siti Hasmah.

Dalam ucapannya, baginda bertitah, cetusan idea Dr. Mahathir telah berjaya melahirkan sebuah universiti pengurusan terulung negara.

"Sesungguhnya nilai anugerah tersebut amatlah kecil

berbanding jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh beliau kepada bangsa dan negara khususnya UUM," titahnya.

Cemerlang

Majlis yang dijayakan bersama dengan Persatuan Alumni UUM itu turut menyampaikan beberapa anugerah termasuk Anugerah Kecemerlangan Alumni di sektor awam, swasta, keusahawanan serta Anugerah Jasa-mu Dikenang kepada semua bekas Naib Canselor UUM.

Pada majlis tersebut, Sultan Kedah turut melancarkan Kad Kredit Alumni UUM dengan kerjasama Bank Islam.

Kad kredit tersebut merupakan hasil pemikiran inovatif UUM bertujuan untuk memberi sumbangan kepada Tabung Amanah Alumni.

Tabung berkenaan diperuntukkan RM50,000 pada setiap sesi bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan.



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD menerima Anugerah Mahaputra daripada Sultan Kedah pada majlis Bankuet Diraja Alumni 2004 Universiti Utara Malaysia (UUM) di The Hotel Palace Of Golden Horses di Seri Kembangan, semalam.